

aab

Mahathir - Lot

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 10 malam ini)

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama). — Kuala Lumpur boleh menjadi bandar raya yang lebih berjaya daripada bandar raya-bandar raya lain yang sudah lama terkenal dengan tidak mengulangi kesilapan-kesilapan lampau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, matlamat ini juga boleh menjadi kenyataan dengan mempelajari pengalaman yang telah dilalui oleh bandar raya-bandar raya yang sudah terkenal itu.

Semasa berucap merasmikan pusat membeli-belah Lot 10, yang berharga \$130juta, di Jalan Bukit Bintang di sini malam ini, beliau berkata kerajaan sentiasa bersikap terbuka kepada cadangan dan pandangan daripada mana-mana pihak yang bertujuan untuk memajukan lagi Kuala Lumpur supaya ia menjadi bandar raya yang setaraf dengan bandar raya-bandar raya yang lebih terkenal di dunia.

Sambil melahirkan kegembiraannya kerana Kuala Lumpur kini sebuah bandar raya yang indah dan bersih, Perdana Menteri berkata keadaan ini tidak dapat diwujudkan semata-mata oleh pihak penguatkuasa tanpa kerjasama daripada setiap penduduk.

Beliau juga berkata, para pemilik bangunan juga semakin bertanggungjawab dalam menjaga keadaan bangunan mereka supaya sentiasa kelihatan bersih dan menarik. — Lagi

♥13/03/20-37MST

U GB 13-03 00159 BH335

aab

Mahathir - Lot 2 Kuala Lumpur

Membelanjakan wang yang banyak untuk bangunan yang indah dan menarik akan menjadi pembaziran jika penyenggaraannya kurang dan dalam masa yang singkat menjadi tidak menarik lagi, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata penduduk sendiri akan menikmati secara langsung keselesaan hidup hasil kerjasama mereka dalam menjaga kebersihan bandar mereka.

Bandar yang bersih dan indah akan menarik para pelancong dan juga syarikat-syarikat untuk mengadakan pejabat mereka di situ yang secara langsung juga akan menambahkan peluang pekerjaan manakala semua jenis perniagaan akan meningkat maju.

+Hanya kebaikan yang mendatangkan kebaikan,+ katanya.

Beliau juga berkata Kuala Lumpur kini semakin terkenal sebagai pusat membeli-belah yang sangat menarik serta mampu bersaing dengan tempat-tempat sedemikian di rantau ini.

Perubahan ini berlaku hanya dalam tempoh yang singkat kerana dahulu ramai sekali rakyat Malaysia sendiri yang mengambil kesempatan pada musim-musim percutian untuk ke negara jiran bagi tujuan membeli-belah. — Lagi

♥13/03/20-38MST

CNS4126

U GB 13-03 00168 BH336

aab.

Mahathir - Lot 3 Kuala Lumpur

Ini adalah ekor an langkah kerajaan menghapuskan cukai ke atas pelbagai jenis barang yang dahulu dikenakan cukai yang tinggi, kata Perdana Menteri.

Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan aktiviti membeli-belah bukan saja untuk rakyat tempatan tetapi juga untuk para pelancong.

Sekaligus ia membantu industri pelancongan dan meningkatkan pendapatan rakyat dan kini jelas bahawa strategi itu tepat dan berkesan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berkata segala pengurangan cukai berkenaan mestilah dinikmati oleh pengguna.

Jika peniaga membolot semua pengurangan cukai bagi mereka sendiri, harga barang tidak akan turun dan ini tidak akan menjadi daya penarik kepada pembeli.

+Saya berbangga kerana ini tidak dilakukan oleh peniaga-peniaga di Kuala Lumpur,+ katanya.

Bellau berkata, strategi mengambil untung yang sederhana akan membawa keuntungan yang berpanjangan kepada peniaga sendiri.

Lot 10 dimajukan oleh Mayang Sari Sdn Bhd dan merupakan pusat membeli-belah yang agak eksklusif dengan menjual barang-barang terdiri daripada jenama-jenama yang terkenal. -- Bernama

13/03/20-38MST